

06/09/1997

Pasaran saham akan kembali stabil

INSTITUT Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yakin pasaran saham dan mata wang Malaysia akan menjadi stabil dan kembali seperti keadaan sedia kala apabila pasaran berjaya diyakinkan semula.

Pengarah Eksekutif MIER, Profesor Mohamed Ariff, berkata kini adalah masa paling sesuai untuk meyakinkan semula pasaran, iaitu selepas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membatalkan sekatan dagangan dan menangguhkan projek besar.

Oleh itu, katanya, peserta pasaran termasuk pelabur, pembuat dasar dan penganalisis untuk turut serta dalam meningkatkan keyakinan umum terhadap keupayaan pasaran tempatan.

Beliau berkata demikian di Singapura ketika menghadiri Persidangan Rangkaian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bertajuk `Perhubungan Ekonomi Lebih Rapat Australia dan New Zealand (CER)'.

Mohamed berkata, pasaran saham dan mata wang serantau menjadi lemah sejak 2 Julai lalu berikutan penurunan nilai baht Thailand.

Sementara di Malaysia pula, beliau berkata, beberapa langkah sudah dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk menyekat saham tempatan dan ringgit daripada terus merosot.

Katanya, pasaran saham dan mata wang tempatan mungkin terpaksa mengambil masa kira-kira tiga hingga empat bulan untuk pulih seperti sedia kala.

"Antara faktor yang berjaya menyelamatkan Malaysia daripada kecundang berikutan penurunan pasaran saham dan mata wang ialah asas ekonomi negara yang sungguh baik.

"Bagaimanapun, jika ketidakpastian mengenai masa depan pasaran saham dan mata wang berterusan untuk satu jangka masa yang lama, maka asas ekonomi ini juga akan terjejas," katanya.

Mohamed berkata, adalah baik jika perkara ini berjaya dikesan sejak awal lagi dan kini adalah masa paling sesuai untuk kita terus berusaha meyakinkan semula pasaran kita.

"Kita harus bekerja dengan pasaran dengan lebih cemerlang dan bukan menentanginya, kerana itu adalah rumusan terbaik untuk mengembalikan keadaan seperti sedia kala," katanya. - Bernama

(END)